e-Buletin@LADA
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
Edisi 3/2022 (Mac)
eBL E-BULETIN LADA

Ulang Tahun LADA 1990-2022 32
"DEDIKASI MELAKAR ASPIRASI"

SAMBUTAN **ULANG TAHUN LADA**

KALI KE-32

Kayuhan Santai Alam

HELLO ENVIRONMENT!

Kayuhan Malam Earth Hour

Gotong-Royong Mega Langkawi

Futsal Langkawi Piala LADA 2022

***MUNIF*ICENT**

Geological Wonders of Langkawi

e-Buletin@LADA
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
Edisi 3/2022 (Mac)

ISI KANDUNGAN

E-BULETIN LADA EDISI 2/2022

BERITA UTAMA
(1-10)

- Pemerkasaan Usahawan & Pemain Industri Pelancongan Langkawi
- LADA Terajui Misi Pemeliharaan Ekosistem Bakau di Langkawi
- Komuniti Disantuni Sempena Perayaan Tahun Baru Cina

ACARA, PROGRAM DAN AKTIVITI (11-30)

- *SEPANJANG SAMBUTAN ULANG TAHUN LADA KE-32*

PERHIMPUNAN BULANAN
(31-32)

***MUNIF*ICENT**
(33-36)
Geological Wonders of Langkawi

AKRAB LADA
(37-40)

KALENDAR ACARA DAN PROGRAM – APRIL 2022
(41-42)

POSTER HEBAHAN MAC 2022
(43-52)

Statistik & Laporan Akaun Media Sosial LADA Sehingga Mac 2022
(53-54)

Sidang Editor
(55-56)

BERITA UTAMA

E-BULETIN LADA EDISI 3/2022

MARCH 2022

Tunku Temenggong Kedah, YTM Dato' Seri DiRaja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz binti Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah merangkap Penaung DiRaja LUGGp turut mencemar duli bagi melancarkan dan menyertai program konservasi geopark ini. Beliau telah menasihatkan masyarakat Malaysia dan komuniti Langkawi agar terus memelihara dan memulihara kelestarian alam. Keindahan alam yang dimiliki oleh Langkawi ialah sebuah anugerah yang tidak ternilai dan perlu sentiasa dijaga. Pengiktirafannya sebagai sebuah UNESCO Global Geopark (LUGGp) dan geopark rujukan di rantau Asia Tenggara juga perlu dimanfaatkan sebaiknya supaya pulau ini terus dapat mencipta nama di persada antarabangsa.

Program Konservasi Geopark Menyantuni Alam 2022: 'Hello Environment!' anjuran Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) menerusi Bahagian Pelancongan telah berlangsung dengan jayanya pada 19 Mac 2022 lepas. Program kayuhan santai alam ini turut dianjurkan bersama oleh beberapa agensi di Langkawi, antaranya termasuklah Jabatan Kerja Raya (JKR), Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi, dan E-Idaman.

"Saya berharap program serta kempen kelestarian sebegini akan terus dilaksanakan bukan sahaja oleh pihak kerajaan. Penglibatan NGO dan penduduk setempat juga amatlah penting untuk membuktikan bahawa LUGGp sentiasa memberikan komitmen dalam menjaga tapak warisan geologinya. Tumpuan perlu diberikan kepada pulau legenda ini supaya usaha mempromosikan Langkawi sebagai destinasi eko pelancongan dunia mendapat sambutan baik, seterusnya menarik kedatangan pelancong bernilai tinggi ke pulau Permata Kedah ini," tambah beliau.

Seramai 150 orang peserta berjaya membuat kayuhan sejauh 25 km. Laluan yang dipilih adalah kawasan perkampungan dan desa yang mempunyai balai raya untuk dijadikan sebagai hentian serta lokasi 'Recycle and Redeem' (RnR) dan 'Recycle for Life' (R4L) kepada komuniti setempat. Usaha ini diuruskan oleh rakan kolaborasi LADA iaitu pihak E-Idaman.

"Kita juga mengambil peluang untuk mengajak semua pihak untuk mencintai alam sekitar dan mengelakkan pencemaran. Dalam mana-mana program kelestarian dan konservasi, LADA tidak menggalakkan penggunaan plastik atau polistirena kerana kesannya amat buruk kepada alam sekitar. Sama-sama kita berusaha memupuk kesedaran untuk menjadikan Langkawi sebagai pulau rendah karbon pertama di Malaysia," ujar YBrs. Tuan Wan Kamarul Faisal bin Wan Kamardin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perancangan dan Pembangunan) LADA.

Beliau turut memaklumkan bahawa Program 'Hello Environment!' ini juga mempunyai dua lagi acara utama iaitu Program GeoCoral/Marine bagi konservasi terumbu karang di kawasan Kilim Karst Geoforest Park dan Kubang Badak BioGeotrail yang akan diadakan sebanyak dua kali setahun. Program Ekspedisi Pendakian Gunung juga turut dijadualkan untuk pelaksanaan sebanyak empat kali setahun bagi meningkatkan pengetahuan peserta tentang geosite yang dilawati.

KAYUHAN MALAM HIASI SAMBUTAN

EARTH HOUR LANGKAWI 2022!

BERITA UTAMA

Sempena sambutan ‘Earth Hour’ di Langkawi bagi tahun 2022, satu lagi program kayuhan ‘folding bike’ telah dianjurkan oleh LADA pada malam 26 Mac 2022 yang lalu.

Dengan tema sambutan ‘Earth Hour’ sedunia ‘Shape Our Future’, program ini telah berlangsung meriah dengan penyertaan 200 individu yang berjaya membuat kayuhan sejauh 10 km. Kayuhan malam ini juga telah bermula dan berakhir di dataran Menara Maha.

Selari dengan sambutan ini juga, lampu menara tersebut telah dipadamkan selama satu jam sebagai langkah simbolik untuk mengurangkan penggunaan tenaga elektrik. Selain itu, tindakan ini juga bertujuan memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat supaya lebih menghargai bumi serta mengurangkan penggunaan tenaga dan sumber yang berlebihan. Menara Maha turut dipilih sebagai lokasi penganjuran utama program kayuhan malam ini bagi mempromosikannya sebagai produk pelancongan terkini di Langkawi yang bakal dibuka tidak lama lagi.

“Kempen tahunan ‘Earth Hour’ anjuran The World Wide Fund for Nature (WWF) ini bertujuan menggalakkan individu, komuniti dan perniagaan untuk mematikan lampu elektrik bukan penting selama satu jam bermula 8.30 hingga 9.30 malam pada Sabtu terakhir bulan Mac. Melalui program pada malam ini, kita berharap matlamat pelaksanaannya dapat dihayati oleh pelbagai pihak bagi menyokong status LUGGp pulau ini. Ini merupakan salah satu usaha yang diatur bagi menjaga alam sekitar dan menyokong agenda kelestarian dunia, seterusnya memberikan kesedaran ke atas kesan perubahan iklim dunia,” kata Ketua Pegawai Eksekutif LADA, YBrs. Tuan Nasaruddin bin Abdul Muttalib.

Pada malam tersebut juga, sambutan ‘Earth Hour’ ini dimeriahkan dengan acara Zumba i-Fit 4 Life dan pertunjukan api yang turut berlangsung serentak di sekitar dataran Menara Maha.

01

02

03

04

GOTONG-ROYONG MEGA!

BERITA UTAMA

Program Gotong-Royong Mega anjuran Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) pada 30 Mac 2022 lalu menambah kemeriahan Sambutan Ulang Tahun LADA Ke-32. Program yang bermula seawal jam 8.00 pagi ini disertai oleh 250 orang kakitangan dari 14 agensi dan jabatan di sekitar Langkawi serta tiga buah anak syarikat LADA. Matlamat utama pelaksanaan program ini adalah bagi menjaga kebersihan dan kelestarian alam semula jadi Pulau Langkawi.

Pelbagai pihak dan agensi telah berganding bahu dan memberi sokongan dalam program gotong-royong ini, antaranya seperti E-Idaman Sdn. Bhd., Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) serta Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi. Kerja-kerja pembersihan telah dilaksanakan di lima lokasi iaitu Jambatan Sungai Kuah, Taman Legenda, Restoran 1 Malaysia berhampiran Dataran Lang, Taman Chogm dan Tangga Helang Seribu Kenangan di Gunung Raya yang juga merupakan lokasi utama bagi aktiviti gotong-royong ini.

YBrs. Tuan Nasaruddin bin Abdul Muttalib, Ketua Pegawai Eksekutif LADA mengulas bahawa program gotong-royong ini menetapkan anggaran kutipan sebanyak 1,000 kilogram sampah.

“Antara kerja-kerja lain yang dilaksanakan secara khusus pada kali ini ialah pembersihan laluan Tangga Helang Seribu Kenangan bagi mengindahkannya kembali untuk dijadikan sebagai lokasi tumpuan pelancong semula. Semoga aktiviti gotong-royong ini dapat memupuk semangat cintakan alam sekitar dalam kalangan penduduk Langkawi seiring dengan pengiktirafan pulau ini sebagai Langkawi UNESCO Global Geopark (LUGGp). Pengiktirafan ini mementingkan kelestarian alam semula jadi, iaitu satu perkara penting yang kita usahakan secara berterusan buat pulau ini. Kita juga ingin menjadikan Langkawi sebagai pulau rendah karbon pertama di negara ini,” tambah beliau.

Semoga aktiviti gotong-royong sebegini dapat dilaksanakan lagi pada masa akan datang bukan sahaja untuk membersihkan persekitaran Langkawi, malah juga untuk mengeratkan silaturahim antara agensi dan komuniti setempat di pulau ini.

MENUTUP TIRAI SAMBUTAN ULANG TAHUN LADA KE-32

FUTSAL LANGKAWI PIALA LADA 2022!

BERITA UTAMA

Sebanyak 32 pasukan dari sekitar Langkawi telah menyertai Kejohanan Futsal Langkawi Piala LADA 2022 yang berlangsung selama tiga hari mulai 30 Mac 2022 bertempat di Dewan Futsal Kompleks Sukan Langkawi. Kejohanan yang dianjurkan sempena Sambutan Ulang Tahun LADA Ke-32 ini bertujuan memupuk gaya hidup sihat serta mencungkil bakat dalam kalangan belia.

Tahniah kepada pasukan yang menjadi johan iaitu pasukan Ceria B yang membawa pulang hadiah berupa piala pusingan, wang tunai berjumlah RM1,332.00 beserta medal. Naib Johan yang disandang oleh pasukan Ummi United membawa pulang wang tunai RM1,032.00 berserta medal. Pasukan Black Sand FT dan Lang Prima FT pula berkongsi kedudukan di tempat ketiga bersama dengan masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM732.00 beserta medal.

Hadiah telah disampaikan kepada pemenang oleh YBrs. Tuan Nasaruddin bin Abdul Muttalib, Ketua Pegawai Eksekutif LADA.

LADA berharap anak-anak muda Langkawi akan terus membudayakan gaya hidup sihat seterusnya menghindarkan diri daripada aktiviti pelencongan sosial bagi melahirkan komuniti Langkawi yang sejahtera.

Acara, Program dan Aktiviti

Sepanjang Sambutan Ulang Tahun LADA Ke-32

E-BULETIN LADA EDISI 3/2022

MARCH 2022

3 Mac 2022

Lawatan Penanda Aras Jpgm Kampus Ilmu Khas (IPGKIK)

Lawatan Penanda Aras Jpgm Kampus Ilmu Khas (IPGKIK)

ULANG TAHUN LADA

1990 - 2022

Dedikasi Melakar Aspirasi

Ulang Tahun LADA 1990-2022

"DEDIKASI MELAKAR ASPIRASI"

32

ACARA, PROGRAM DAN AKTIVITI SEPANJANG SAMBUTAN ULANG TAHUN LADA KE-32

Program Back To School 2022

6 & 7 Mac 2022

Program Back To School 2022

ULANG TAHUN LADA

Dedikasi Melakar Aspirasi

1990 - 2022

Ulang Tahun LADA 32

1990-2022

"DEDIKASI MELAKAR ASPIRASI"

ACARA, PROGRAM DAN AKTIVITI SEPANJANG SAMBUTAN ULANG TAHUN LADA KE-32

9 Mac 2022

Penyerahan Bantuan Perniagaan Kepada Pengusaha Kuih Bulan Langkawi

Penyerahan Bantuan Perniagaan Kepada Penguzaha Pertanian Kontan dan Tahunan KEDA *Wang Tok Rendong*



ULANG TAHUN LADA

"Dedikasi Melakar Aspirasi"

1990 - 2022

Ulang Tahun LADA 1990-2022

"DEDIKASI MELAKAR ASPIRASI"

ACARA, PROGRAM DAN AKTIVITI SEPANJANG SAMBUTAN ULANG TAHUN LADA KE-32

16 Mac 2022

Hari Bertemu Pelanggan LADA

Hari Bertemu Pelanggan LADA

16 Mac 2022

Penyerahan Surat Kelulusan Permohonan Projek Kecil Komuniti

17 Mac 2022

Lawatan Pensyarah dan Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM)

ULANG TAHUN LADA

Ulang Tahun LADA
1990-2022
"DEDIKASI MELAKAR ASPIRASI"

ACARA, PROGRAM DAN AKTIVITI SEPANJANG SAMBUTAN ULANG TAHUN LADA KE-32

20 Mac 2022

Pelancaran Program Bioremediasi Keluarga Malaysia

Sesi Taklimat Berkaitan Perkembangan Langkawi UNESCO *Global Geopark* (LUGGp) *Bersama* YTM *Tunku Temenggung Kedah*



21 Mac 2022

ULANG TAHUN LADA

Dedikasi Melakar Aspirasi

1990 - 2022

Ulang Tahun LADA 32

1990-2022

"DEDIKASI MELAKAR ASPIRASI"

ACARA, PROGRAM DAN AKTIVITI SEPANJANG SAMBUTAN ULANG TAHUN LADA KE-32

23 Mac 2022

Program Geomangrove

Program Geomangrove





ULANG TAHUN LADA

"Dedikasi Melakar Aspirasi"

1990 - 2022

Ulang Tahun LADA 1990-2022

"DEDIKASI MELAKAR ASPIRASI"

ACARA, PROGRAM DAN AKTIVITI SEPANJANG SAMBUTAN ULANG TAHUN LADA KE-32

27 Mac 2022

Program Bicara Usahawan 'From Zero To Hero' Bersama Bonda Rozita

Majlis Perasmian Projek Naik Taraf LADA-PLSB *Farm* PEB HELANG

28 Mac 2022

ULANG TAHUN LADA

Ulang Tahun LADA 32
1990-2022
"DEDIKASI MELAKAR ASPIRASI"

ACARA, PROGRAM DAN AKTIVITI SEPANJANG SAMBUTAN ULANG TAHUN LADA KE-32

29 Mac 2022

Kunjungan Hormat LHDN

Lawatan Penanda Aras Akademi Koreksional Malaysia

30 Mac 2022

PERHIMPUNAN BULANAN LADA

EDISI MAC 2022

BERITA UTAMA

Bertemakan 'Dedikasi Melakar Aspirasi', Majlis Perhimpunan Bulanan telah berlangsung dalam suasana meriah di Auditorium LADA pada 21 Mac 2022. Majlis anjuran Unit Khidmat Korporat (UKK) dan Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) ini dihadiri oleh Keluarga LADA dan wakil pengurusan anak syarikat LADA iaitu Panorama Langkawi Sdn. Bhd. (PLSB), Langsura Geopark Sdn. Bhd. (LGSB) dan Langkawi Port Sdn. Bhd. (LPSB).

Menarik sepanjang perhimpunan:

01.
TAYANGAN VIDEO BULETIN LADA

02.
SEGMEN SEKAPUR SIRIH
dikendalikan oleh Puan Nordiana binti Nordin dan Puan Amal binti Ibrahim bagi mengimbau sepintas lalu bingkisan penubuhan LADA sehingga kini.

03.
UCAPTAMA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF LADA
YBrs. Tuan Nasaruddin bin Abdul Mutalib menyeru keluarga LADA untuk terus menabur bakti dan merencana pembangunan pelancongan di Langkawi.

04.
GIMIK PERASMIAN
Gimik perasmian tayangan video 32 tahun LADA melakar pembangunan di Langkawi.

05.
PERSEMBAHAN KOIR
Persembahan nyanyian pasukan koir LADA dengan lagu 'Standing In The Eyes of The World'

06.
PEMOTONGAN KEK
Acara pemotongan kek sebagai acara simbolik meraikan 32 tahun penubuhan LADA.

MUNIFICENT

E-BULETIN LADA EDISI 3/2022

MARCH 2022

MUNIFICENT

Geological Wonders of Langkawi

Geologists have begun researching in Langkawi archipelago since 1970. Since then, they have found numerous pieces of evidence proving that this archipelago was part of the earth's mosaic dated back to one billion years ago. The earth was formed approximately 4.6 billion years earlier and the first complex animal only began to exist in this world about 550 million years back. For more than four billion years, this galaxy only comprised different types of gas, single cell and micro-organism. Fast forward, the earth that we are seeing today has evolved for many billion years.

A land which later became known as Langkawi was the first to emerge from the shallow seabed, making it the birthplace of Southeast Asia while other lands in this region were still underwater. The geological treasure belonging to this island that is internationally significant is the complete stratification of rock formed during Palaeozoic era when the earth was about 250 to 550 million years old. Geologists were able to identify the tectonic plate movement and rock formation within the archipelago of Langkawi which occurred during Palaeozoic era. Mount Machinchang was the first land to emerge, making it the oldest summit in Southeast Asia at the height of 708 meter above sea level. Today, it has become a super mountain that tourists can conveniently reach its peak either via hiking or taking a cable car trip.

In addition, palaeontologists have also discovered fossils of the first complex marine animal species that used to live in Langkawi during Palaeozoic Era. Known as trilobite, two types of this species were found at Pulau Jemuruk near Kubang Badak BioGeoTrail. Trilobites used to live in this world for 300 million years before they completely became extinct when dinosaurs started to appear. The name 'trilobite' was derived by scientists based on one of their physical traits – their abdomens were each divided into three lobes. Their sizes also varied between 0.5 to 72 cm. They are called complex animals because they each have a brain-like structure that is protected by a hard shell. In order to make public understand how these animals look like, scientists always compare them to horseshoe crabs today as the former's closest descendants. More than 17,000 species of trilobites have been discovered in various parts of the world and in Malaysia, they can only be found in Langkawi!

AKRAB LADA

E-BULETIN LADA EDISI 3/2022

MARCH 2022

Akrab

LADA

Konsep AKRAB

1

Rakan membantu rakan menerusi asas kaunseling dan kemahiran membimbing.

2

Perkongsian pengetahuan dan nilai-nilai murni daripada ahli AKRAB kepada rakan sekerja dalam sesebuah organisasi.

3

Diwujudkan bagi :

- Menyediakan medium perhubungan antara rakan sekerja dan pihak pengurusan sesebuah jabatan.

- Membolehkan kakitangan berkongsi idea, meluahkan perasaan, memupuk semangat berpasukan dan mendapatkan bimbingan sokongan daripada ahli-ahli AKRAB

Peranan AKRAB

Ahli AKRAB berperanan membantu mewujudkan pengurusan modal insan yang bersifat lebih humanistik dalam sesebuah jabatan. Secara khususnya, peranan-peranan ini adalah seperti berikut :

a) Berkongsi pengalaman dan ilmu pengetahuan
b) Memberi sokongan kepada perubahan
c) Menjadi transformasi perkhidmatan awam
d) Memberi motivasi untuk mengekalkan perubahan
e) Menjadi pembimbing kehidupan berkerjaya
f) Menggalakkan budaya kerja berpasukan
g) Menerapkan nilai-nilai kesukarelaan dan empati

KALENDAR ACARA DAN PROGRAM APRIL 2022

PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI

9 April

Program Jelajah Ramadhan Siri 1
Masjid Al-Aman, Yooi

17 April

Program Jelajah Ramadhan Siri 2
Masjid As-Sofiah, KEDA

21 April

Program Jelajah Ramadhan Siri 3
Masjid Ar-Rahman, Kedawang

26 April

Program Bicara Ilmu
Bersama
YBhg. Syeikh Muhammad Fauwaz bin Dato' Syeikh Abdullah
"Mungkinkah Ini Ramadhan Terakhir Buatku?"
Masjid Al-Istiqamah, Kuala Teriang

ACARA PELANCONGAN

1 April

Sambutan Ketibaan Pelancong Antarabangsa Sempena Pembukaan Semula Sempadan Negara

25 April

International Geopark Webinar In Conjunction With Earth Day 2022
" Invest in Our Planet "

PROGRAM PELABURAN & PEMUDAH CARA PERNIAGAAN

14 April

Majlis Menandatangani Perjanjian Cadangan Pembangunan Langkawi Eco Resort dan Eco Adventure Park,
Kuala Sungai Melaka antara LADA dan Syarikat Chenang Prima Resort Sdn. Bhd. (CPRSB)

LAIN-LAIN

7 April

Sesi Libat Urus LADA dan Yayasan Inovasi Malaysia bersama Pemegang Taruh

14 April

Program Tazkirah Ramadhan Siri 1/2022
Bersama
YBhg. Ustaz Haslin Baharim
"Keagungan Mukjizat Al-Quran"

15 April

Majlis Ramah Mesra LADA Sempena Ramadhan Bersama Anak-Anak Yatim dan Tahfiz Langkawi

17 April

Perhimpunan Bulanan LADA

17 April

Program Tazkirah Ramadhan Siri 2/2022
Bersama
YBhg. Dato' Sheikh Abdullah bin Awang Sa
"Keberkatan Bulan Ramadhan Al-Mubarak"

18 April

Bengkel Projek Pembangunan Langkawi

21 April

Program Tazkirah Ramadhan Siri 3/2022
Bersama
YBrs. Ustaz Suhaimi bin Md Shoib
"Ramadhan Bulan Al-Quran dan Lailatul Qadar"

25 April

Majlis Khatam Al-Quran Tadarus Ramadhan Kakitangan LADA

POSTER HEBAHAN MAC 2022

E-BULETIN LADA EDISI 3/2022

MARCH 2022

"DEDIKASI MELAKAR ASPIRASI"

"DEDICATION INVENTS ASPIRATION"



Ulang Tahun LADA
JOM SERTAI!
Hari
BERTEMU
PELANGGAN
CENDERAHATI DISEDIAKAN BAGI YANG HADIR!
16 · MAC · 22
9.00 Pagi hingga 4.00 Petang
ARAS M1, KOMPLEKS LADA
SEMAKAN STATUS PEMBAYARAN
PELANCONGAN
PERUMAHAN & FASILITI LADA
ADUAN PELBAGAI
PEMERIKSAAN KESIHATAN PERCUMA
PAMERAN PRODUK GEOPARK
Langkawi Development Authority
LangkawiDevelo1
langkawi_lada
www.lada.gov.my

Langkawi at a Glance
The Cliff Langkawi @ Pantai Chenang
LANGKAWI
www.lada.gov.my
/ukkLADA
/langkawi_lada
/LangkawiDevelo1
/LADATVLGK

JOM BERSAMA-SAMA MENYERTAI
BICARA USAHAWAN
FROM ZERO TO HERO
ULANG TAHUN LADA
1990 - 2022
Penampilan Istimewa
Bonda Rozita Ibrahim
Ikuti Perkongsian Pengalaman Dan Kisah Kejayaan Beliau
LIVE
TERHAD KEPADA 100 PESERTA SAHAJA
Daftar Sekarang!
PAMERAN DAN JUALAN PRODUK USAHAWAN LANGKAWI TURUT DIADAKAN
27 MAC 2022
Ahad
9.30 AM - 12.30 PM
Aras M1, Auditorium LADA
Sila Hubungi :
04-9600 600 (644)
pelaburan@lada.gov.my
Dengan Kerjasama:

JOM SERTAI!
Hari
BERTEMU PELANGGAN
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
PERUMAHAN & FASILITI LADA
PELANCONGAN & GEOPARK
ADUAN PELANGGAN
PEMERIKSAAN KESIHATAN PERCUMA
GERAI JUALAN GEOPRODUK
www.lada.gov.my
16 MAC 2022
9.00 Pagi - 4.00 Petang
/ukkLADA
/langkawi_lada
/LangkawiDevelo1
/LADATVLGK

Ulang Tahun LADA
1990-2022
"DEDIKASI MELAKAR ASPIRASI"
15 Mac 2022
LANGKAWI
www.lada.gov.my
/ukkLADA
/langkawi_lada
/LangkawiDevelo1
/LADATVLGK

Sambutan
Ulang Tahun LADA
1990-2022
"DEDIKASI MELAKAR ASPIRASI"
LADA
32
15 MAC 2022
www.lada.gov.my
/ukkLADA
/langkawi_lada
/LangkawiDevelo1
/LADATVLGK
Naturally LANGKAWI
DENGAN KERJASAMA
PFCE
KAYUHAN MALAM
EARTH HOUR
2022
#ShapeOurFuture
LANGKAWI | MALAYSIA
60+
EARTH HOUR
Jom Sihat
BERSAMA
I-FIT LANGKAWI
TARIKH :
26 MAC 2022 (SABTU)
MASA PENDAFTARAN :
8.00 MALAM
MASA FLAG OFF/PELEPASAN :
9.30 MALAM
LOKASI PENDAFTARAN :
MENARA MAHA, KUAH
TERHAD KEPADA
100 PENYERTAAN
HUBUNGI:
ANNE : 012-709 9144
SUHAIMI : 017-433 0766

RAKAN KERJASAMA
RAKAN STRATEGIK
RAKAN PERPUSTAKAAN
24-28 Mac 2022
Langkawi Fair
Shopping Mall
10.00 Pagi
Hingga
10.00 Malam
FESTIVAL BUKU Langkawi
PROGRAM BUAL BICARA • CERAMAH AGAMA
GAME SHOW • PERSEMBAHAN PENTAS
Dengan pembelian bernilai RM30.00
JUALAN BUKU TERBESAR DI KEDAH
CABUTAN BERTUAH DAN DISKAUN SEHINGGA
80%
MAI SINGGAH

Gotong-Royong Mega
Lokasi
1. Gunung Raya
2. Laluan Jetty Point (Taman Chogm)
3. Restoran 1 Malaysia (Bataran Lang)
4. Tempat Letak Kereta (Taman Legenda)
5. Sungai Kuah (Jambatan Sampan - Jeti Nelayan)
30 Mac 2022 (Rabu)
9.00 Pagi - 1.00 Tengah Hari
Ulang Tahun LADA 1990-2022 "DEDIKASI MELAKAR ASPIRASI"
www.lada.gov.my /ukkLADA /langkawi_lada /LangkawiDevelo1 /LADATVLGK

TERHAD KEPADA 32 PASUKAN TERAWAL
TARIKH TUTUP PENYERTAAN : 28 MAC 2022 (ISNIN)
Ulang Tahun LADA 1990-2022 "DEDIKASI MELAKAR ASPIRASI"
KEJOHANAN FUTSAL LANGKAWI
PIALA LADA 2022
1 Perlawanan Pembukaan
30 Mac 2022 (Rabu)
8.00 malam - 12.00 tengah malam
Perlawanan Liga
1 & 2 April 2022 (Jumaat & Sabtu)
8.00 pagi - 6.00 petang
2
3 Tempat
Dewan Futsal, Kompleks Sukan Langkawi
Urus Setia Kejohanan:
En. Syafiq : 019-575 9670
En. Shukri : 011-2408 8332
En. Azli : 010-208 9629
JOHAN
RM1,332.00
NAIB JOHAN
RM1,032.00
TEMPAT KE-3 BERSAMA: RM732.00
www.lada.gov.my /ukkLADA /langkawi_lada /LangkawiDevelo1 /LADATVLGK

Tahniah
YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican
atas pelantikan sebagai
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar)
berkuat kuasa
25 Mac 2022
daripada :
Seluruh pengurusan dan warga kerja
Lembaga Pembangunan Langkawi
LADA
www.lada.gov.my /ukkLADA /langkawi_lada /LangkawiDevelo1 /LADATVLGK

Ulang Tahun LADA 1990-2022 "DEDIKASI MELAKAR ASPIRASI"
Program Bual Bicara
Legenda Mahsuri
29 Mac 2022 (Selasa)
10.00 Pagi - 12.00 Tengah Hari
Bagi sebarang pertanyaan lanjut pihak tuan/puan boleh berhubung dengan pegawai :
Muhammad Izzat bin Ghazali
0134252697
Kehadiran anda amat dialu-alukan
LIVE Langkawi Development Authority
www.lada.gov.my /ukkLADA /langkawi_lada /LangkawiDevelo1 /LADATVLGK

STATISTIK AKAUN MEDIA SOSIAL RASMI LADA SEHINGGA MAC 2022

SCAN ME
facebook.com /ukkLADA

SCAN ME
instagram.com /langkawi_lada/

SCAN ME
twitter.com /LangkawiDevelo1

SCAN ME
youtube.com /channel/LADA TV

STATISTIK JUMLAH HEBAHAN DI SOCMED LADA (POSTING COUNT)

JUMLAH HEBAHAN DI SOCMED LADA SEHINGGA MAC 2022

- 54 — FACEBOOK PAGE — www.facebook.com/ukkLADA/
- 54 — INSTAGRAM — www.instagram.com/langkawi_lada
- 54 — TWITTER — www.instagram.com/langkawi_lada
- 12 — Youtube @ LADA TV — www.youtube.com/c/LADATVLGK

SIDANG EDITOR

Penaung: Nasaruddin bin Abdul Muttalib
Penasihat: Haji Ahmad Fuad bin Che Ani @ Abd Ghani
Ketua Editor: Nordiana binti Nordin
Penyelaras: Adilah binti Zabir
Jurugambar: Zamri bin Ibrahim
Muhamad Hazril Haikal bin Hamzah

Jawatankuasa E-Buletin LADA:

Muhammad Izzat bin Ghazali
Unit Pemantauan dan Pelaksanaan

Nor Amira binti Man
Bahagian Pelaburan dan Pemudah Cara Perniagaan

Norazizah binti Abdul Jalil
Bahagian Kewangan

Rosma binti Morad
Bahagian Pengurusan Aset

Zalina binti Matt Saman
Bahagian Pelancongan

Noor Munirah binti Mohamad
Bahagian Perancangan

Mohd Ridzuan bin Maghribi
Bahagian Kejuruteraan Teknikal

Fatimah binti Baharuddin
Unit Undang-Undang

Mohd Shahrul Nizam bin Awang
Bahagian Teknologi Maklumat

Wan Suffurinaz binti Wan Sulaiman
Unit Integriti

Wan Aida Munirah binti Wan Ismail
Unit Audit Dalam

Mohd Mazlan bin Othman
Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan

Grafik/Reka Letak: Mohamad Firdaus Helmi bin Fazil
Muhamad Hazril Haikal bin Hamzah

Urus Setia & Edaran: Unit Khidmat Korporat/Bahagian Teknologi Maklumat
Lembaga Pembangunan Langkawi

E-BULETIN LADA

Diterbitkan oleh:

UNIT KHIDMAT KORPORAT
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
Kompleks LADA, Peti Surat 60,
Jalan Persiaran Putra
07000 Langkawi Kedah
Tel : 04-9600 600
Faks : 04-9600 509

Aduan? Cadangan? Maklum balas?
Sila layari SISPAA